

**Najib Dihadiahkan buku Bergambar BERNAMA Mengenai Hubungan Malaysia-China
Bernama
Mei 31, 2014
Oleh D.Arul Rajoo**

BEIJING, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Sabtu dihadiahkan salinan buku bergambar yang diterbitkan oleh BERNAMA sempena memperingati 40 hubungan dua hala yang kukuh antara Malaysia dengan China.

Najib, yang berada di Beijing untuk lawatan enam hari untuk upacara ulang tahun itu, menerima buku setebal 100 muka surat yang disampaikan oleh Editor BERNAMA, D. Arul Rajoo pada Jamuan Malam Persahabatan Malaysia-China.

Menghadiri jamuan itu untuk memperingati ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik ialah isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor, bekas Pengerusi Kongres Rakyat Kebangsaan dan Presiden Persatuan China-ASEAN, Gu Xiulian dan Datuk Abdul Majid Khan, presiden Persatuan Persahabatan Malaysia-China.

Para tetamu pada majlis itu juga menerima buku bertajuk 'Ties That Bind Malaysia & China' yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan China.

Buku itu menyorot kembali lawatan bersejarah oleh perdana menteri kedua Malaysia, Tun Abdul Razak Hussein, ke China pada Mei 1974, hubungan dua hala yang kukuh selama ini dan ketibaan pasangan panda gergasi, Fu Wa dan Feng Yi, di Zoo Negara di Kuala Lumpur minggu lepas.

Rencana khas dalam buku itu menyentuh mengenai usaha diplomatik pada peringkat awal, peningkatan persahabatan antara pemimpin kedua-dua negara, pertumbuhan perkongsian perniagaan dan pelaburan, peningkatan hubungan rakyat dengan rakyat melalui sukan, pendidikan dan budaya, dan hala tuju bagi hubungan Malaysia-China pada masa depan.

Pengurus Besar BERNAMA, Datuk Yong Soo Heong berkata baru-baru ini bahawa buku itu amat bermakna bagi syarikat-syarikat dan perusahaan yang banyak menjalin hubungan perniagaan dengan rakan di China dan mereka yang menaruh kecenderungan mengenai hubungan Malaysia-China.

Bagi percetakan awal, BERNAMA menerima pesanan bagi logo korporat disisipkan dalam buku itu.

Beberapa syarikat dan pertubuhan telah membuat pesanan khas dan termasuk Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan Hai-O Enterprise Bhd.

Orang ramai yang ingin membuat pertanyaan mengenai buku itu boleh menghubungi Unit

Pemasaran Foto BERNAMA di talian 03-26939933 atau pegawai jualan Fariz Rizal Madzri (fariz@bernama.com, 03-26962217, 013-9888803) atau Siti Salhah Yassin (salhah@bernama.com, 03-20594660, 010-8042389).

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042943>